

24/01/1998

Tempoh tubuh JKP hingga 7 Februari

KUALA LUMPUR, Jumaat - Semua 48 jabatan dan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) diberi tempoh sehingga 7 Februari ini untuk menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP), bertujuan mewujudkan pentadbiran cekap, berdisiplin dan bersih daripada rasuah.

Arahan itu dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, ketika mempengerusikan mesyuarat dengan semua ketua jabatan dan agensi di bawah JPM di sini, hari ini.

Memberitahu sidang akhbar selepas mesyuarat itu, Abdul Halim berkata, penubuhan JKP di peringkat JPM dapat menyedarkan kementerian dan jabatan kerajaan supaya mengambil tindakan serupa secepat mungkin.

"Sebelum ini, arahan sudah dikeluarkan kepada semua kementerian dan jabatan untuk menubuhkan JKP. Mungkin kini di tahap pelaksanaan tetapi kita belum menerima sebarang laporan setakat ini," katanya.

Awal bulan ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi tempoh sebulan kepada semua Menteri Besar, Ketua Menteri dan ketua jabatan kerajaan menubuhkan JKP dalam usaha membanteras rasuah dan penyelewengan di kalangan kakitangan awam.

Menurut arahan Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 1998 yang dikeluarkan 8 Januari lalu, semua ketua jabatan adalah Pengerusi JKP dan mereka perlu mengeluarkan pekeliling dengan segera kepada jabatan dan agensi masing-masing bagi menentukan penubuhan jawatankuasa baru atau menggunakan jawatankuasa sedia ada.

Ditanya mengapa jawatankuasa serupa itu ditubuhkan sekarang, Abdul Halim berkata, sebelum ini kerajaan menjalankan pelbagai kempen antirasuah dan penyalahgunaan kuasa.

"Bagaimanapun, pelaksanaannya tidak menyeluruh. Sebagai contoh, orang tertentu jaga pasal etika dan integriti, yang lain jaga pasal kewangan. Ia tidak bersepadu dan komprehensif.

"Tetapi dengan penubuhan jawatankuasa seperti ini, pelaksanaannya lebih menyeluruh membabitkan disiplin, rasuah, ketelusan dan integriti serta mampu memberi kesan lebih hebat," katanya.

Arahan setebal 50 muka surat itu selaras dengan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia melalui penubuhan JKP di peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

Menurut arahan itu, kerajaan negeri melalui Pengerusi JKP masing-masing perlu memastikan arahan penubuhan jawatankuasa berkenaan dilaksanakan hingga ke peringkat pihak berkuasa tempatan.

(END)